

07 NOV 2000

ANGGOTA UMNO DISERU TUMPU PILIHAN RAYA KECIL DUN LUNAS

ALOR SETAR, 7 Nov (Bernama) -- Semua anggota Umno di negeri ini diseru memberhentikan kempen pemilihan bahagian tetapi menumpukan perhatian kepada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas.

Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata penumpuan seratus peratus kepada pilihan raya kecil yang dijangka tidak lama lagi itu amat penting bagi mengekalkan kerusi yang dimenangi Barisan Nasional pada pilihan raya umum tahun lepas.

"Jentera dan persiapan kita untuk menghadapi pilihan raya itu sudah digerakkan. Kita yakin akan memenangi kerusi Lunas itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat bersama pemimpin parti komponen Barisan Nasional, anggota DUN dan Ketua-Ketua Bahagian Umno seluruh negeri di Bangunan Tunku di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Naib Presiden MIC, P.Veerasingam dan Setiausaha Agung MIC, S.Sothianathan.

Ditanya adakah mesyuarat berkenaan membincangkan mengenai calon bagi DUN Lunas, Syed Razak berkata perbincangan hanya meliputi soal persediaan pilihan raya dan tidak melibatkan calon.

"Kita belum lagi memutuskan siapa calon dan dari parti komponen BN yang mana. Ia hanya akan diputuskan setelah berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Pilihan raya kecil DUN Lunas bakal diadakan berikutan penyandangannya, Dr Joe Fernandez, yang juga Timbalan Pengerusi MIC Kedah mati ditembak dalam keretanya pada pukul 2.30 petang Sabtu lepas oleh seorang pembonceng motosikal di persimpangan Jalan Maju/Jalan Harapan di Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

-- BERNAMA

MAN RI